

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 1 JULAI 2019

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 39

HARI : ISNIN

Batu Pahat  
jadi daerah  
persinggahan  
ketiga di Johor

MOHAMAD NORZAHARUDDIN  
KASIMON

BATU PAHAT

Program Kembara Saving Is Fun (KSIF) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Negeri Johor yang diadakan di sini mencapai sasaran apabila dihadiri semua lapisan masyarakat.

Pengurusan Besar PTPTN Negeri Johor, Muhammad Faizal Adnan berkata, program kembara itu bukan sahaja menarik perhatian masyarakat, malah memupuk budaya menabung sebagai jaminan pendidikan masa depan.

Menurutnya, Batu Pahat yang merupakan daerah ketiga KSIF selepas Johor Bahru dan Kluang akan diteruskan ke dua lokasi lain iaitu Kota Tinggi.

"Program kembara yang masukku tahun ketiga pengerjannya tahun ini sebenarnya program penjenamaan PTPTN Johor untuk menggalakkan ibu bapa menyemai budaya menabung dalam kalangan anak-anak mereka.

"Niat kami mahu memberi hebatan kepada masyarakat bahawa PTPTN ada simpanan pendidikan seperti Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang boleh dimanfaatkan untuk masa depan pendidikan anak-anak dan mengurangkan kebergantungan ibu bapa kepada pinjaman pendidikan," katanya kepada pemberita ditemui pada Program Kembara Saving Is Fun PTPTN Negeri Johor di Batu Pahat Mall di sini semalam.



## Program KSIF PTPTN meriah

Menurutnya, SSPN adalah instrumen simpanan terbaik dan wajar dipilih ibu bapa terutamanya mereka yang mempuinya nai anak kecil selain menggalakkan golongan itu menabung untuk pendidikan tinggi kerana kos permulaan memerlukan duit usia yang boleh.

Katanya, beliau mengakui terdapat cabaran buat ibu bapa terutamanya daripada segi kewangan apabila anak-anak mereka melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi kerana kos permulaan memerlukan duit yang banyak dan kian meningkat.

"Sebab itu kami mohonkan kepada ibu bapa untuk membuat tabungan sewaktunya anak mereka kecil melalui SSPN dan apabila umur mereka 18 tahun, di dalam akaun tersebut sudah ada sekurang-kurangnya RM5,000 untuk menampung kos awal untuk anak mereka mendaffar masuk ke IPT," katanya.

Menurut Muhammad Faizal,



Sebahagian murid yang menyertai program KSIF di Batu Pahat semalam.

ibu bapa dan pendeposit juga perlu faham walaupun simpanan kecil iaitu hanya RM30 sebulan tetapi tempoh simpanan yang lama di samping dividen tinggi, jumlah itu akan bertambah.

Katanya, program dengan kerja-sama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Batu Pahat itu turut memilih lokasi-lokasi strategik dan tumpuan awam seperti

pasar raya supaya objektif PTPTN untuk memupuk budaya menabung akan tercapai.

"Hari ini (semalam) kita lihat program ini mendapat sambutan menggalakkan dan ada ibu bapa yang terus membuka akaun simpanan SSPN untuk anak-anak mereka selain pelbagai aktiviti menarik disediakan.

"Contohnya, pertandingan

akhir action song dan choral speaking dilihat dapat membentuk keyakinan dalam diri pelajar dan keyakinan itu diterjemahkan di dalam pertandingan akhir yang berlangsung di hadapan orang ramai di pasaraya ini hari ini (semalam)," katanya.

Menurutnya, bagi menarik lebih ramai ibu bapa membuat simpanan, PTPTN memperkenalkan Cabutan WOW! SSPN-i Plus dan Cabutan 15 Tahun SSPN-i yang menyediakan hadiyah menarik dan cabutan dibuat setiap sukuan dan tahunan.

Pendeposit SSPN berpeluang memenangi hadiah utama cabutan tahunan WOW! SSPN-i Plus berupa sebuah kereta Proton X70 manakala hadiah utama cabutan tahunan 15 Tahun SSPN-i pula wang tunai dalam bentuk akaun SSPN bermilai RM151,515.15 sebaliknya hadiah cabutan sukuan tahun juga berupa wang tunai dalam bentuk akaun SSPN.



Para pelajar SK Temenggung Ibrahim Perggarang yang mendapat johan pertandingan choral speaking.



Ibu bapa mendapatkan maklumat lanjut berkenaan SSPN.